

Ucapan dasar Dr. M disifatkan cabaran pada generasi muda

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Wakil - wakil UMNO luar negeri hari ini menyifatkan ucapan dasar Perdana Menteri sebagai cabaran kepada generasi muda untuk meningkatkan lagi perjuangan.

Wakil Kelab UMNO Pakistan, **Encik Norzuhaimi Husin** berkata, ucapan dasar Perdana Menteri telah menaikkan lagi semangat nasionalisme dan ianya seolah - olah mencabar golongan generasi muda agar mempertingkatkan lagi perjuangannya UMNO

Perdana Menteri, katanya, mengharapkan sesuatu usaha yang lebih kuat daripada kami generasi muda.

Seseorang pemimpin, tambah beliau, tidak sepatutnya menggunakan wang ringgit untuk mendapat kuasa tetapi melalui apa yang dibuat dalam meyakinkan rakyat bahawa dia seorang pemimpin yang berkaliber.

Rakannya, **Encik Abdul Rahman Mohd.** berkata, seorang pemimpin itu mesti ikhlas dan jujur dalam perjuangannya dan bukannya

memaucing undi dengan wang ringgit.

"Politik wang tidak sepatutnya berlaku dan terpujanglah kepada pemimpin berkenaan dan mereka yang mengundi memikirkan kembali perkara ini demi masa depan UMNO," tambahnya.

Cik Fauziah Ali pelajar tahun ke-2, pengajian perubatan di Pakistan pula menyifatkan ucapan dasar Perdana Menteri membangkitkan lagi semangat kebangsaan orang - orang Melayu terutama bagi golongan pelajar

Raja, katanya, amat penting bagi masyarakat Melayu kerana raja mencerminkan identiti orang Melayu, yang dihormati dan disanjung oleh orang Melayu.

Oleh itu, katanya, golongan tertentu tidak seharusnya menggunakan kedudukan raja untuk kepentingan diri sendiri.

Naib Presiden UMNO United Kingdom, **Encik Zakaria Nordin** berkata, sebagai pemimpin, seseorang itu harus ikhlas dalam perjuangannya dan tidak mengaitkan wang ringgit dalam mendapatkan kuasa.